

D690

U B538 AAB

MAHATHIR - MERDEKA

(EMBARGO: UNTUK SIARAN PADA ATAU SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

---

KUALA LUMPUR, 29 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA SEMANGAT DAN KEBERANIAN PARA PEJUANG KEMERDEKAAN TIDAK BOLEH DILUPAKAN BEGITU SAHAJA.

+SEMANGAT PERJUANGAN MEREKA SEHARUSNYA TERUS MENYALA DALAM JIWA KITA DAN DALAM JIWA GENERASI AKAN DATANG,+ KATA PERDANA MENTERI PADA MAJLIS MAKAN MALAM DAN PELANCARAN BUKU DAFTAR MERDEKA 1986 DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMANGAT PARA PEJUANG ITU MENJADI AZIMAT KEPADA MASYARAKAT SEKARANG DALAM USAHA UNTUK MENGISI DAN MENCORAKKAN KEMERDEKAAN KE ARAH YANG DICITA-CITAKAN.

+JUSTERU ITU MARILAH KITA MEMUPUK SEMANGAT MEMPERJUANGKAN MARUAH, BANGSA, NEGARA DAN AGAMA DAN SALAH SATU CARA UNTUK MENEBAHKAN SEMANGAT ITU IALAH DENGAN MEMPERINGATI JASA-JASA PARA PEMIMPIN YANG TELAH BERJUANG DAN BERUSAHA GIGIH BAGI MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN NEGARA DARIPADA PENJAJAHAN,+ KATANYA.

PARA PEJUANG ITU BUKAN SAHAJA TERBATAS KEPADA MEREKA YANG BERJUANG SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA MALAHAN MEREKA YANG MENENTANG PENJAJAHAN BERPULUH-PULUH TAHUN SEBELUMNYA SEPERTI DATUK BAHAMAN, DATUK NANING, TOK JANGGUT, ROSLI DOBI DAN MAT SALLEH, TAMBAHNYA. -- LAGI.

1836MST 29 08 87

D692

U B539 AAB

MAHATHIR - MERDEKA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TANGGUNGJAWAB DAN PERJUANGAN MASYARAKAT PADA HARI INI MERUPAKAN PENERUSAN DARIPADA APA YANG DIPERJUANGKAN DAHULU IAITU TUGAS MEMENUHI CITA-CITA RAKYAT MENCORAKKAN NEGARA INI MENGIKUT DASAR-DASAR YANG TELAH DITENTUKAN SERTA MENGEKALKAN KEMERDEKAAN DAN KEMAKMURAN NEGARA SELAMA-LAMANYA.

+INI MERUPAKAN SATU AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB BERAT YANG SUKAR DILAKSANAKAN SEKIRANYA KITA TIDAK CUKUP PERSEDIAAN UNTUK MENGHADAPI UJIAN DAN CABARAN YANG MESTI DIHADAPI ATAU TIDAK SANGGUP BERKORBAN UNTUK KEPENTINGAN NEGARA INI,+ KATANYA.

MENGENAI BUKU DAFTAR MERDEKA, PERDANA MENTERI YAKIN BUKU ITU PENTING DARIPADA SEGI NILAI SEJARAH DAN DAPAT MENJADI BAHAN RUJUKAN YANG AMAT BERGUNA KEPADA GENERASI MUDA UNTUK MEMAHAMI SEJARAH, EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN PENDUDUK NEGARA INI.

BAGI PELANCONG PULA, IA DAPAT MEMBERI GAMBARAN SEPINTAS-LALU MENGENAI SUASANA DAN CARA HIDUP RAKYAT DI NEGARA INI.

BELIAU JUGA MENYENTUH LANGKAH MEREKODKAN NAMA BEBERAPA SYARIKAT YANG BERJAYA DALAM BEBERAPA ASPEK PERTANDINGAN DALAM BUKU TERSEBUT. KATANYA, LANGKAH ITU MERUPAKAN PENGIKHTIRAFAN KERAJAAN KEPADA SEKTOR SWASTA ATAS SUMBANGAN MEREKA DALAM MEMAJUKAN NEGARA. --- BERNAMA.

1840MST 29 08 87